

25 DEC 2001

MAHATHIR: M'SIA TIDAK SETUJU AS LANCAR SERANGAN KE ATAS IRAQ

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Malaysia berharap Amerika Syarikat tidak menyerang Iraq selepas negara itu menyerang Afghanistan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan Amerika Syarikat menyerang Afghanistan dan kemudian berhasrat mengambil tindakan yang sama terhadap Iraq dan Somalia, bukan caranya untuk menyelesaikan masalah.

"Kita harap benda (serangan) ini tidak berlakulah kerana kita tidak hendak lihat selepas Afghanistan, Iraq... lepas Iraq, Somalia... jadi itu bukan caranya," katanya pada sidang media selepas menghadiri rumah terbuka Krismas anjuran Persekutuan Kristian Malaysia dan paderi besar Roman Katolik Rev. Anthony Fernandez di Jalan Bukit Nenas di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan agensi berita asing bahawa Amerika Syarikat sedang merangka kemungkinan mengerahkan 100,000 anggota tenteranya ke Iraq dalam usaha menumbangkan Presiden Saddam Hussein.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia sebelum ini tidak bersetuju dengan tindakan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

"(Serangan terhadap) Afghanistan hari itu pun kita tidak setuju," katanya.

AFP memetik laporan Newsweek yang disiarkan akhbar tempatan hari ini bahawa berikutan tekanan politik yang kuat, ketua-ketua turus bersama tentera Amerika Syarikat sedang meneliti satu kajian yang mencadangkan penghantaran 50,000 tentera ke selatan Iraq dan 50,000 lagi ke sempadan utara.

-- BERNAMA
RZS NZ RON